



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 JLD. 10 / (1)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

6 Januari 2025
6 Rejab 1446H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr,

SURAT PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2024

STATUS SEMASA ORANG BERARTIKEL

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bagi tujuan memberi penjelasan berhubung dengan status orang yang berartikel selepas berkuatkuasanya pindaan pada Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 (selepas ini di panggil sebagai Peraturan-Peraturan ibu) melalui pewartaan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 [Akta A1730] pada 23 Oktober 2024.

2. LATAR BELAKANG

Peraturan-Peraturan ibu telah dipinda yang melibatkan perubahan susunan kepada bahagian-bahagian orang berartikel iaitu, pada BAHAGIAN III, ARTIKEL DAN ORANG BERARTIKEL; BAHAGIAN IV, LATIHAN; DAN BAHAGIAN V, PEPERIKSAAN.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Pindaan dan perubahan kepada bahagian-bahagian tersebut menyebabkan semua orang berartikel adalah tertakluk kepada syarat-syarat baharu yang dilaksanakan. Namun, mana-mana peperiksaan yang telah diambil oleh mana-mana orang berartikel yang berdaftar sebelum kuat kuasa Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 adalah tertakluk kepada peruntukan kecualian Peraturan 41, Peraturan-Peraturan yang sama sepertimana berikut:
- (1) Mana-mana orang berartikel yang telah lulus Bahagian I, peperiksaan di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebaik sebelum kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diterima sebagai lulus dalam Bahagian II, peperiksaan di bawah peraturan ini.
 - (2) Mana-mana orang berartikel yang telah lulus apa-apa tugas amali dalam Bahagian II, peperiksaan di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebaik sebelum kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini boleh diterima oleh Lembaga sebagai lulus Bahagian I bagi tugas yang setara di bawah Peraturan-Peraturan ini.
 - (3) Mana-mana orang berartikel yang belum menyelesaikan tugas amalnya dalam Bahagian II, peperiksaan di bawah Bahagian V Peraturan-Peraturan ibu sebaik sebelum kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, boleh terus diuruskan di bawah Peraturan-Peraturan ibu dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini seolah-olah Peraturan-Peraturan ibu tidak dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.
- 3.2 Dalam hubungan ini, mana-mana orang berartikel yang belum lulus Bahagian I – Amalan Kadaster, peperiksaan di bawah Peraturan-Peraturan ibu adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024.
- 3.3 Bagi mana-mana orang berartikel yang berdaftar sebelum kuat kuasa Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 dan telah lulus Bahagian I – Amalan kadaster, peperiksaan di bawah Peraturan-Peraturan ibu dan berhasrat untuk meneruskan peperiksaan di bawah Peraturan-Peraturan ibu, maka mereka hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Lembaga Jurukur Tanah Malaysia melalui Juruukur Tanah Berlesen masing-masing berkenaan perkara tersebut untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga.

4. TARIKH BERKUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' LSr HAZRI BIN HASSAN)

Pengerusi

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

s.k.:

1. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
2. Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia